

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
[INDERA MAHKOTA]**

TARIKH : 18 MAC 2015 [RABU]

SOALAN:

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa dengan kenaikan harga 'bauxite' iaitu sumber alumina, telah muncul beberapa lombong sama ada secara halal atau haram yang tidak dikawal selia dengan baik. Ini telah menimbulkan kegelisahan rakyat kerana lombong-lombong ini adalah 'under-regulated' dan menjadi ancaman kesihatan disebabkan debu-debunya dan mengotorkan jalan raya di laluan pengangkutannya; contoh lombong-lombong adalah di kawasan Parlimen Indera Mahkota dan Paya Besar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah dimaklumkan oleh Kerajaan Negeri Pahang berhubung perkara ini. Aktiviti pengeluaran bauksit di Negeri Pahang dijalankan sama ada menggunakan pajakan melombong di bawah Enakmen Mineral Negeri atau Lesen Pendudukan Sementara/ Permit Pengalihan Bahan Batuan di bawah Kanun Tanah Negara.

Bagi kawasan Parlimen Indera Mahkota dan Paya Besar, pengeluaran bauksit dijalankan menggunakan lesen/ permit yang dikeluarkan di bawah Kanun Tanah Negara kecuali 3 lombong yang beroperasi di bawah lesen/ pajakan yang dikeluarkan di bawah Enakmen Mineral Negeri yang dikawal selia oleh Jabatan Mineral dan Geosains.

Dalam hal ini, semua agensi yang terlibat dengan penguatkuasaan tanah, pengangkutan, alam sekitar dan pengurusan pelabuhan seperti Pejabat Tanah dan Daerah Kuantan, Pejabat Tanah dan Galian, Majlis Perbandaran Kuantan, Lembaga Pelabuhan Kuantan, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Mineral dan Geosains dan Jabatan Alam Sekitar membuat pemantauan berterusan.

Pihak NRE juga telah mengadakan beberapa sesi perbincangan dengan pihak Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah pencemaran ini. Antara langkah yang sedang dikaji

adalah memperketatkan pengeluaran Lesen Pendudukan Sementara/ Permit Pengalihan Bahan Batuan dan menggalakkan permohonan pajakan melombong bagi pengeluaran bauksit.

Selain itu, satu sesi dialog yang melibatkan seramai 50 orang pengusaha telah diadakan dengan hasilnya seperti berikut:

- (i) pihak pengusaha perlu lebih bertanggung jawab dalam memastikan lori yang digunakan adalah *roadworthy* dan menutup muatan lori supaya tidak ada ketirisan/ tumpahan bahan ke jalan raya; dan

- (ii) Pihak MPK menjalankan kerja pencucian jalan dengan kos ditanggung oleh pihak pengusaha.

Sekian, terima kasih.